

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JKP314/JKP320 – Isu-Isu Terpilih Pentadbiran Awam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian; Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Sila pilih dan jawab **SATU (1)** soalan daripada setiap bahagian.

...2/-

SULIT

BAHAGIAN A

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

Soalan 1

Jelaskan peralihan fasa daripada pentadbiran awam klasik kepada pentadbiran awam moden. Huraikan faktor-faktor utama yang menyebabkan peralihan tersebut.

(40 markah)

Soalan 2

Apakah signifikannya Persidangan Minnowsbrook I, II dan III yang diadakan di Amerika Syarikat bermula pada tahun 1968 terhadap perkembangan pentadbiran awam?

(40 markah)

BAHAGIAN B

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

Soalan 3

Huraikan mana-mana tiga ciri utama Pendekatan Pengurusan Awam Baru (*New Public Management*) dengan contoh untuk setiap satu. Bahaskan keberkesanan ciri-ciri tersebut dalam konteks Malaysia.

(30 markah)

Soalan 4

Jelaskan semua isu utama dalam analisis pemindahan dasar bersama contoh untuk setiap satu. Bincangkan mana-mana satu pembentukan dasar awam di Malaysia dari perspektif analisis di atas.

(30 markah)

BAHAGIAN C

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

Soalan 5

Perniagaan yang berorientasikan jualan memberi fokus kepada teknik dan strategi pemasaran bertujuan menarik pengguna untuk membeli produk yang dijual. Aplikasikan pendekatan ini dalam senario politik di Malaysia dengan mengambil kira mana-mana parti politik dalam mana-mana pilihan raya yang telah dijalankan.

(30 markah)

Soalan 6

Huraikan konsep penswastaaan dan tiga jenis utama penswastaaan yang dijalankan di Malaysia. Jenis penswastaaan manakah yang paling berkesan di Malaysia? Bahaskan.

(30 markah)

- 0000000 -